

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PENILAIAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS) KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB

1. TUJUAN

Garis panduan adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada pusat tanggungjawab (PTJ) untuk menyelaras dan mengendalikan proses penilaian Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) sebelum proses penghantaran secara atas talian melalui sistem iRMLs.

2. PANDUAN PENGENDALIAN BORANG PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN

2.1. Borang-borang permohonan RAGS-1 perlu dikendalikan mengikut tatacara berikut:

- (i) Borang permohonan diasingkan mengikut **kluster-kluster** penyelidikan. Rujuk kod kluster yang disediakan (rujuk lampiran A)
- (ii) Tuliskan **kod rujukan** bagi setiap borang permohonan RAGS pada **bahagian kod rujukan di penjuru atas sebelah kanan** borang permohonan.
- (iii) Pastikan setiap borang tersebut **diikat pada penjuru sebelah kiri borang**.
- (iv) Pastikan borang-borang tersebut dikumpulkan mengikut **susunan nombor bilangan** untuk **kluster** penyelidikan.
- (v) Senaraikan semua permohonan dalam **Borang Ringkasan Permohonan RAGS (Masterlist-PTJ)** yang disediakan mengikut **kluster** dan **sub kluster** (rujuk lampiran B). Borang tersebut boleh dimuat turun dari laman web RMI—<http://www.rmi.uitm.edu.my/form-to-download.html> .
- (vi) Borang-borang yang lengkap berserta senarai Borang Ringkasan Permohonan RAGS (Masterlist-PTJ) perlu dikemukakan kepada pihak urus setia **sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan**.
- (vii) Pengesahan penghantaran perlu dibuat **bersama-sama wakil** daripada pihak **urus setia** bagi mengesahkan bilangan **borang yang diterima** bersamaan dengan **senarai yang dihantar** oleh pihak PTJ.
- (ix) Wakil PTJ perlu menandatangani borang penerimaan dan diserahkan kepada pihak urus setia setelah urusan pengesahan borang permohonan didapati teratur.
- (x) Bagi PTJ di Malaysia Barat (Semenanjung Malaysia) digalakkan membuat penghantaran melalui serahan kaunter kepada;

URUS SETIA RAGS
Institut Pengurusan Penyelidikan
Aras 3, Bangunan Wawasan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
No. Tel: 03-5521 1462/03-5543 7872
No. Faks: 03-5544 2096

2.2. Penulisan Kod Rujukan Pada Borang Permohonan RAGS

Pihak Urus setia di PTJ masing-masing perlu **menulis kod rujukan** pada setiap borang permohonan yang telah diperakukan oleh Urus Setia PTJ atau Ketua Jabatan masing-masing.

Penulisan kod rujukan bagi tiap-tiap borang permohonan adalah pada bahagian **Kod Rujukan** di penjuru atas sebelah kanan borang permohonan RAGS. Urutan nombor rujukan adalah seperti berikut:

RAGS/Tahun/Kod PTJ/Kod Kluster dan Sub Kluster/No. Bilangan

Sebagai Contoh	:	RAGS/2012/FSG/ST01/1
Kluster	:	Sains Tulen
Sub Kluster	:	Kimia
PTJ	:	Fakulti Sains Gunaan
No. Bilangan	:	1
(kiraan mengikut sub kluster)		

Cara penulisannya adalah seperti berikut:

BORANG RAGS-1		Kod Rujukan: RAGS/2012/FSG/ST01/1
(Diisi oleh PTJ)		
 <p>JABATAN PENGAJIAN TINGGI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI</p> <p>BORANG PERMOHONAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS)</p> <p>Satu (1) salinan borang permohonan asal hendaklah dihantar kepada Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Aras 7, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya</p> <p>(Borang yang tidak lengkap tidak akan diproses)</p>		

2.3. Borang Ringkasan Permohonan RAGS

Borang Ringkasan Permohonan RAGS Masterlist-PTJ adalah seperti di **LAMPIRAN B** dan contoh **borang** yang telah diisi mengikut pecahan bidang dan kategori adalah seperti berikut:

		SENARAI KESELURUHAN PERMOHONAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS) TAHUN 2013								
BIL	NAMA KAMPUS/FAKUL TI :	KETUA PROJEK	NO. KAD PENGENAL AN/ PASSPORT	TAJUK PROJEK	TEMPOH PENYELIDI KAN (bulan)	JANGKAAN HASIL PENYELIDIKA N	KLUSTER	SUB KLUSTER	JUMLAH PERUNTUK AN (RM)	
1	RAGS/2012/FS G/ST01/1	Fatimah Binti Ali	500610- 01-5489	Rekabentuk Modul Aktiviti Wanita Berasaskan Peranan Wanita Dalam Mengimarahkan Masjid	24 bulan	2 penerbitan, 1 pelajar PhD dan 1 Master	Sains Tulen	Kimia	37,000.00	
2	RAGS/2012/FS G/ST01/2						Sains Tulen	Kimia		

3	RAGS/2012/FS G/ST02/1					Sains Tulen	Fizik	
4	RAGS/2012/FS G/ST02/2					Sains Tulen	Fizik	
5	RAGS/2012/FS G/ST03/1					Sains Tulen	Biologi	
6	RAGS/2012/FS G/ST03/2					Sains Tulen	Biologi	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)								

*Borang Format Ringkasan Permohonan RAGS Masterlist-PTJ menggunakan perisian *microsoft excel*.

Bagi nombor rujukan **RAGS/2012/FSG/ST01/1** ditulis:

2.3.1. Cara Pengisian Ruangan Nama PTJ / Kluster / Sub Kluster yang perlu diisi adalah seperti berikut:

- (i) Nama PTJ iaitu **Fakulti Sains Gunaan** ditulis **FSG**. Rujuk kod PTJ yang disediakan. (rujuk lampiran C)
- (ii) Nama kluster iaitu **Sains Tulen** ditulis **ST**. Rujuk kod kluster yang disediakan. (rujuk lampiran A)
- (iii) Kod sub kluster iaitu **Kimia** ditulis **01**. Rujuk kod Sub Kluster yang disediakan (rujuk lampiran D).

2.3.2. **Cara Pengisian Ruangan Bil. / No. Rujukan / Ketua Projek / No. Kad Pengenalan/No.Passport / Kluster / Sub Kluster / Tajuk Projek / Jumlah Keseluruhan (RM)**

Setiap ruangan perlu diisi dengan selengkapnya bagi memudahkan kerja-kerja penyenaraian permohonan projek. Ruangan-ruangan tersebut adalah:

(i) **BIL.**

Nombor bilangan adalah bermula daripada nombor **satu (1)** dan seterusnya.

(ii) **KOD RUJUKAN**

Ruangan ini perlu diisi dengan nombor rujukan setiap projek.

(iii) **KETUA PROJEK**

Bagi ruangan ini, hanya nama penuh ketua penyelidik sahaja yang perlu diisi.

(iv) **NO. KAD PENGENALAN / NO. PASSPORT**

Ruangan ini diisi dengan No. Kad Pengenalan bagi ketua penyelidik warganegara Malaysia atau No. Passport bagi ketua penyelidik bukan warganegara.

(v) **TEMPOH PENYELIDIKAN (bulan)**

Ruangan ini diisi dengan tempoh masa penyelidikan bagi projek yang dipohon.

(vi) **JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN**

Ruangan ini diisi dengan jangkaan hasil penyelidikan yang akan dihasilkan bagi projek yang dipohon.

(vii) **KLUSTER**

Ruangan ini diisi dengan kluster penyelidikan bagi projek yang dipohon.

(viii) **SUB KLUSTER**

Ruangan ini diisi dengan sub kluster penyelidikan bagi projek yang dipohon.

(ix) **TAJUK PROJEK**

Ruangan ini diisi dengan tajuk cadangan projek yang dipohon.

(x) **JUMLAH KESELURUHAN (RM)**

Jumlah keseluruhan permohonan peruntukan yang dipohon bagi projek tersebut perlu diisi di dalam ruangan ini.

2.4 Borang Ringkasan Permohonan RAGS – Ringkasan Permohonan Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) Mengikut Kluster Penyelidikan

Contoh **borang** yang perlu diisi adalah seperti berikut:

RINGKASAN PERMOHONAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS) MENGIKUT KLUSTER PENYELIDIKAN

BIL	NAMA PTJ	KLUSTER	BILANGAN KESELURUHAN	PERUNTUKAN KESELURUHAN
1	Fakulti Sains Gunaan	SAINS TULEN	3	203000.00
		SAINS GUNAAN	7	429000.00
		TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN	3	279000.00
		SAINS KESIHATAN DAN KLINIKAL	3	200000.00
		SAINS SOSIAL	6	180000.00
		SASTERA DAN SASTERA IKHTISAS	3	145000.00
		SAINS TABII DAN WARISAN NEGARA	3	135000.00
		TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	4	380000.00
JUMLAH KESELURUHAN			32	1951000.00

3. PEKARA-PERKARA YANG MENYEBABKAN PENGHANTARAN BORANG-BORANG PERMOHONAN DARIPADA PTJ DITOLAK

Antara perkara-perkara tersebut ialah:

- (i) Permohonan yang **tidak melalui PTJ**.
- (ii) Penghantaran borang permohonan yang **tidak lengkap, tidak tersusun dan gagal mengikuti garis panduan penghantaran** yang telah ditetapkan.
- (iii) Borang permohonan yang tidak disertakan *Resume, Gantt Chart, Flow Chart dan Milestone* projek.
- (iv) Permohonan-permohonan yang **tidak diikat dengan kemas dan baik** sehingga boleh menyebabkan borang-borang tersebut tercincir ketika pemprosesan.
- (v) **Bilangan borang** permohonan yang **tidak sama** dengan **jumlah permohonan** yang ditulis di dalam **Borang Masterlist-PTJ** yang disediakan.
- (vi) Borang-borang permohonan yang **tidak diberikan nombor rujukan**.
- (vii) Tidak menghantar **Borang Masterlist-PTJ** yang dibekalkan ketika menghantar semua borang permohonan kepada pihak urus setia.
- (viii) **Mengubah** keseluruhan format **Borang Masterlist-PTJ** yang dibekalkan oleh pihak urus setia.
- (ix) Borang yang sampai atau dihantar selepas tarikh tutup penghantaran borang yang ditetapkan RMI/KPT.

4. SENARAI SEMAK

Senarai semak penghantaran borang permohonan RAGS adalah seperti di **Lampiran E** sebagai panduan.

LAMPIRAN A

DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS)

Senarai Kod kluster dengan kod rujukan adalah seperti berikut:

BIL	KOD KLUSTER	KOD RUJUKAN
1.	Sains Tulen	ST
2.	Sains Gunaan	SG
3.	Teknologi dan Kejuruteraan	TK
4.	Sains Kesihatan Dan Klinikal	SKK
5.	Sains Sosial	SS
6.	Sastera Dan Sastera Ikhtisas	SSI
7.	Sains Tabii Dan Warisan Negara	STWN
8.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	ICT

LAMPIRAN B**Masterlist-PTJ****SENARAI KESELURUHAN PERMOHONAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN
(RAGS) TAHUN 2013****KAMPUS/FAKULTI/PTJ:**

BIL.	KOD RUJUKAN	KETUA PROJEK	NO. KAD PENGENALAN / PASSPORT	TAJUK PROJEK	TEMPOH PENYELIDIKAN (bulan)	JANGKA AN HASIL PENYELIDIKAN	KLUSTER	SUB KLUSTER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	*sila rujuk cara penulisan kod rujukan pada panduan pengendalian borang CONTOH: RAGS/2013/FSG/ ST01/1								
2									
3									
4									
5									
JUMLAH KESELURUHAN (RM)									

LAMPIRAN C

Senarai PTJ - UiTM dengan kod rujukan adalah seperti berikut:

Bil	KOD PTJ - UiTM	KOD RUJUKAN
UiTM CAWANGAN		
1	Sabah	SB
2	Kelantan	KLTN
3	Terengganu	TRG
4	Pulau Pinang	PP
5	Perlis	PLS
6	Kedah	KDH
7	Perak	PRK
8	Johor	JHR
9	Melaka	MLK
10	Pahang	PHG
11	Negeri Sembilan	N9
12	Sarawak	SRWK
FAKULTI/ PUSAT KECEMERLANGAN / INSTITUT / PUSAT		
1	Fakulti Farmasi	FF
2	Fakulti Perubatan	MEDIC
3	Fakulti Sains Kesihatan	FSK
4	Fakulti Pergigian	PERGIGIAN
5	Fakulti Sains Komputer & Matematik	FSKM
6	Fakulti Kejuruteraan Awam	FKA
7	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	FKE
8	Fakulti Kejuruteraan Kimia	FKK
9	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	FKM
10	Fakulti Seni bina, Perancangan & Ukur	FSPU

11	Fakulti Sains Gunaan	FSG
12	Fakulti Sains Sukan & Rekreasi	FSR
13	Fakulti Perladangan & Agroteknologi	AGROTECH
14	Fakulti Filem, Teater dan Animasi	FTKA
15	Fakulti Seni Lukis & Seni Reka	FSSR
16	Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi	FSPPP
17	Fakulti Undang-Undang	FUU
18	Fakulti Pendidikan	FPEND
19	Fakulti Komunikasi & Pengajian Media	FKOM
20	Fakulti Muzik	MUZIK
21	Fakulti Perakaunan	FACT
22	Fakulti Pengurusan Perniagaan	FBM
23	Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan	FPHP
24	Fakulti Pengurusan Maklumat	FPM
25	Akademi Pengajian Bahasa	APB
26	Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU)	CITU
27	Pusat Asasi UiTM	ASASI
28	Accounting Research Institute (ARI)	ARI
29	Institute of Science (IOS)	IOS
30	Institute of Infrastructure, Engineering & Sustainable Management (IIESM)	IIESM
31	Atta-ur-Rahman Institute for Natural Product Discovery	AURINS
32	Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS)	MITRANS
33	Institut Sains Forensik (IFS)	IFS
34	Pengarah, Institute of Business Excellence (IBE)	IBE
35	Pharmacogenomic Centre	PROMISE
36	Microwave Technology Centre	MTC
37	Institute of Medical Molecular Biotechnology	IMMB
38	Institut Kajian Zakat Malaysia	IKaZ

LAMPIRAN D

Senarai kod rujukan untuk sub kluster penyelidikan adalah seperti berikut:

Sains Tulen	01	Kimia	04	Biokimia
	02	Fizik	05	Sains Bahan
	03	Biologi	06	Matematik dan Statistik
Sains Gunaan	01	Kimia	04	Matematik dan Statistik
	02	Fizik	05	Bioteknologi
	03	Biologi	06	Sains Bahan
Teknologi dan Kejuruteraan	01	Mekanikal dan Pembuatan	06	Tenaga dan Teknologi Hijau
	02	Elektrikal dan Elektronik	07	Infrastruktur dan Pengangkutan
	03	Awam dan Struktur	08	Pembinaan dan Bahan Binaan
	04	Bahan dan Polimer	09	Aeroangkasa
	05	Kejuruteraan Kimia dan Proses		
Sains Kesihatan dan klinikal	01	Sains Perubatan Asas	07	Perubatan Pencegahan Masyarakat
	02	Farmasi	08	Klinikal Surgikal
	03	Farmakologi	09	Klinikal Medikal
	04	Mikrologi Perubatan	10	Sains Kesihatan Bersekutu
	05	Parasitologi	11	Pergigian
	06	Patologi	12	Sains Kejururawatan
Sains Sosial	01	Antropologi	06	Geografi
	02	Psikologi	07	Ekonomi
	03	Sosiologi	08	Ekologi Manusia
	04	Sains Politik	09	Komunikasi
	05	Pengurusan dan Perniagaan		
Sastera dan Sastera Ikhtisas	01	Bahasa dan Linguistik	07	Seni
	02	Kesusasteraan	08	Budaya
	03	Agama	09	Pendidikan
	04	Falsafah	10	Dasar dan Undang-undang
	05	Tamadun	11	Alam bina-aspek kemanusiaan
	06	Sejarah	12	Alam sekitar-aspek kemanusiaan
Sains Tabii dan Warisan Negara	01	Alam Sekitar	06	Geosains
	02	Perhutanan	07	Etnografi
	03	Pertanian	08	Alam bina (aspek warisan)
	04	Marin	09	Budaya
	05	Arkeologi	10	Kepelbagaiannya biologi
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	01	Perisian dan Sistem Maklumat	05	Multimedia
	02	Pengkomputeran Lembut	06	Kejuruteraan Komputer
	03	Rangkaian Komputer	07	Sains Komputer
	04	Keselamatan Maklumat		

LAMPIRAN E**SENARAI SEMAK PENGHANTARAN PERMOHONAN
DANA PEMBUDAYAAN PENYELDIKAN (RAGS)**

BIL	TINDAKAN PIHAK PTJ	PTJ	RMI
1	Satu (1) salinan borang permohonan RAGS-1 yang telah ditandatangani oleh Ketua Penyelidik, penyelidik bersama (bahagian C.iv) dan diperakukan oleh Ketua PTJ.		
2	Kod rujukan pada bahagian rujukan fail di penjuru atas sebelah kanan borang permohonan.		
3	Setiap borang telah diikat dengan kemas dan teratur pada penjuru atas sebelah kiri borang permohonan.		
4	Disusun mengikut kluster dan sub kluster penyelidikan.		
5	Disusun mengikut kategori penyelidik.		
6	Disusun mengikut susunan nombor bilangan projek bagi kluster dan kategori penyelidik.		
7	Senaraikan semua permohonan dalam Borang Ringkasan Permohonan RAGS Masterlist-PTJ .		
8	Sertakan bersama CD atau soft-copy yang mengandungi <i>master list</i> permohonan.		
9	<i>Resume</i> ringkas setiap Ketua Program, Ketua Projek dan penyelidik bersama (maksimum 5 helai setiap <i>resume</i>).		
10	Borang Penilaian peringkat PTJ untuk setiap permohonan.		
11	<i>Flow Chart, Gantt Chart & Milestone and Date.</i>		
12	Permohonan mengikut siling yang ditetapkan.		
13	Lain-lain dokumen yang berkaitan.		

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**URUS SETIA RAGS
INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR
NO. TEL: 03-5521 1462/03-5543 7872
NO. FAKS: 03-5544 2096**